

**PENGGUNAAN UNSUR SEJARAH DALAM
KARYA FIKSYEN: SATU PENELITIAN KARYA
FAISAL TEHRANI**



SRI MASTIKA BINTI YUNUS
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**PENGGUNAAN UNSUR SEJARAH DALAM
KARYA FIKSYEN: SATU PENELITIAN KARYA
FAISAL TEHRANI**

SRI MASTIKA BINTI YUNUS



**FAKULTI KEMANUSIAAN SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

PENGAKUAN

Tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali terdapat petikan, nukilan atau lain-lain yang saya muatkan dalam penulisan ini telah saya jelaskan sumber bagi setiap satunya.

20 Februari 2014

Sri Mastika Binti Yunus
PY2018114



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SRI MASTIKA BINTI YUNUS**
NO. MATRIK : **PY20118114**
TAJUK : **PENGGUNAAN UNSUR SEJARAH DALAM KARYA FIKSYEN:
SATU PENELITIAN KARYA FAISAL TEHRANI**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)**
TARIKH VIVA : **20 JUN 2014**

DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA UTAMA

Profesor Madya Dr. Sim Chee Cheang

Tandatangan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah. Allahuma Solli 'Ala Saidina Muhammad Wa 'Ala Aalihi Wa As-habihi Ajma'iin. Atas izin-Nya, penulisan tesis ini dapat disempurnakan.

Terima kasih kepada kedua ibu bapa, Puan Jaminah Hj. Abduka dan Tuan Yunus Hj. Odis yang telah banyak berkorban dan memberi sokongan moral sejak kecil hingga ke tahap ini. Terima kasih kepada penyelia, Profesor Madya Dr. Sim Chee Cheang yang banyak membantu dalam penyelidikan ini. Kata bijak pandai :

"... Who you are doesn't matter, what the title of your dissertation it doesn't matter. All that matters is, who your thesis supervisor is. ..."

Terima kasih kepada mantan Dekan SPS, Prof. Inon Hj. Saharuddin, Prof. Dr. Ismail Ibrahim dan juga kepada Dekan Sekolah Pengajian Seni Prof. Madya Abd. Jamal Abd. Hamid serta kepada pensyarah-pensyarah lain yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah atas sumbangan biasiswa Mybrain15 serta Elaun Khas Pembantu Pengajar yang banyak membantu dari segi material sepanjang pengajian.

Akhir sekali, terima kasih kepada Siti Nasrina Abdullah Fadzil, seorang sahabat yang kerap kali menegur ejaan dalam tulisan ini. Terima kasih kepada Siti Aminah Yusoff, seorang kenalan yang memberi tempat teduh dan membantu meminjamkan buku-buku akademik dari Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM. Semoga beroleh kebaikan selalu.

Sri Mastika Yunus
20 Februari 2014

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan unsur sejarah dalam karya fiksyen dari sudut fungsi unsur sejarah dan kesignifikan pemilihan unsur sejarah sebagai peralatan dalam penulisan karya fiksyen. Kajian ini mengaplikasi perspektif teori hermenutik yang melihat karya penulisan sebagai sesuatu yang objektif melalui penafsiran yang telus. Kajian ini mengupas setiap unsur sejarah melalui kerangka teori pengkategorian politik, sosial dan keagamaan atau POSOKA. Sebagai contoh pengkaji telah mengaplikasi pengkategorian menggunakan jadual berdasarkan wacana dan gambaran yang diberikan oleh Faisal Tehrani bagi melihat fungsi penggunaan dan signifikan pemilihan unsur sejarah dalam karya fiksyen. Kajian ini secara tidak langsung telah melahirkan kesedaran nilai kewujudan kategori kesusasteraan berunsurkan sejarah tetapi berbentuk kritikan berdasarkan ciri-ciri khas seperti POSOKA.



ABSTRACT

HISTORICAL ELEMENTS IN FICTIONAL WRITING: A STUDY OF FAISAL TEHRANI'S WORKS

This research aims to identify the use of historical references in fiction writing. The research approaches from the perspective of its function and the significance of particular historical facts used as a tool in fiction writing. In order to validate the findings, this research applied interpretive elements of Hermenutics to analyze each one of the texts selected for analysis in this research. Among the findings is the method of analysis of these fictional historical elements by categorizing them according to politics, social and religious significance (POSOKA). Faisal Tehrani's fictional historical novels have been chosen for analysis specifically in the function of historical elusions and historical significance according in relation to his perspective. This research has evoked an interest in the value of historical fiction that is critical in nature specifically in the area of politics, social and religion.



ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
 BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Latar Kajian	1
1.2 Definisi Fiksyen	4
1.3 Definisi Sejarah	5
1.4 Sejarah Pertembungan Fiksyen dan Sejarah	7
1.5 Kelahiran Novel Berunsur Sejarah	9
1.6 Permasalahan Kajian	13
1.7 Objektif Kajian	14
1.8 Metodologi Kajian Ringkas	14
1.9 Skop Kajian dan Signifikan Pemilihan Karya (FT)	15
1.9.1 Latar Belakang Faisal Tehrani	17
1.10 Kerangka Analisis	19
1.11 Kepentingan Kajian	19
1.12 Kesimpulan	20
 BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Kajian-kajian Lepas	22

2.3	Kritikan Penulisan FT	29
2.4	Kesimpulan	34

BAB 3 : METODOLOGI DAN PENGUMPULAN DATA

3.1	Pendahuluan	36
3.2	Falsafah dan Latar Teori Hermeneutik	37
3.3	Batasan Kajian Hermeneutik	38
3.4	Teori dan Prinsip Hermeneutik Mengikut Gaya Betti	40
3.5	Kerangka Teori	42
3.5.1.	Proses Analisis Unsur Sejarah	43
3.5.2.	Analisis	43
3.5.3.	Sample Pengklasifikasian dan pengkategorian Unsur Sejarah	45
3.5.4.	Aspek Interpretasi – Teori Hermeneutik Betti	51
3.5.5.	Kolerasi Pengarang dan Penggunaan Unsur Sejarah	53
3.5.6.	Rekontruksi Ayat – Gaya Betti	53
3.6.	Kesimpulan	54

BAB 4: UNSUR SEJARAH DAN KOLERASI PENGARANG

4.1	Pendahuluan	55
4.2	Penggunaan Unsur Sejarah Dalam Karya FT	56
4.2.1	Unsur Sejarah Dalam <i>1515</i>	56
4.2.2	Unsur Sejarah Dalam <i>SSPJ</i>	65
4.2.3	Unsur Sejarah Dalam <i>Manikam Kalbu</i>	73
4.2.4	Unsur Sejarah Dalam <i>NBSA</i>	75
4.2.5	Unsur Sejarah Dalam <i>PNB</i>	79
4.3	Kolerasi Pengarang dan Penggunaan Sejarah	81
4.4	Kesimpulan	83

BAB 5: ANALISIS UNSUR SEJARAH KRITIKAN POLITIK (PO)

5.1	Pengenalan	85
5.2	Analisis Politik (PO)	85
5.2.1	Pemerintah	88

5.2.2	Pentadbiran dan Perundangan	91
5.2.3	Peristiwa Sejarah	92
5.3	Kesimpulan	97
 BAB 6 : ANALISIS SOSIAL DAN KEAGAMAAN (SOKA)		
6.1	Pendahuluan	99
6.2	Sosial (SO)	100
6.2.1	Latar Sosial Bersejarah	100
6.2.2	Busana	101
6.2.3	Adab dan Budaya	106
6.3	Keagamaan (KA)	108
6.3.1	Sistem Perundangan Islam	109
6.3.2	Pentadbir Islam	112
6.3.3	Ajaran Agama	114
6.4	Kesimpulan	114
 BAB 7 : RUMUSAN		
7.1	Pengenalan	116
7.2	Rumusan	118
7.3	Penutup	120
 RUJUKAN		122



SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 1.1:	Jumlah Penghasilan Novel Di Tanah Melayu (Malaysia)	12
	Mengikut Tahun	
Jadual 2.1:	Senarai Media Elektronik dan Blog Yang Mengkritik Karya FT	30
Jadual 3.1:	Latar Belakang Novel	44
Jadual 3.2:	Pengklasifikasian Unsur Sejarah Mengikut Kategori	46
Jadual 4.1:	Taburan Unsur sejarah Dalam Novel FT Mengikut Judul	56



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 3.1: Reka Bentuk Penyelidikan

43



SENARAI GAMBAR

Halaman

Gambar 2.1: Keratan Akhbar <i>MalaysiaKini</i> Bertarikh 2 Jun 2008 : Kritikan Dr. Asri Zainal Abdin Ke Atas Karya FT	31
--	----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
FT	Faisal Tehrani
GAPENA	Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAIP	Jabatan Agama Islam Perlis
KMB	Kesusasteraan Melayu Baru
KMM	Kesusasteraan Melayu Moden
PNB	<i>Perempuan Nan Bercinta</i>
SSPJ	<i>Surat-surat Perempuan Johor</i>
NBSA	<i>Nama Beta Sultan Alaudin</i>



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Kajian

Menurut Mohd Taib Osman, kebudayaan sesebuah masyarakat dibentuk sebahagian besar daripada warisan yang didapati melalui pengetahuan, pengalaman dan kekreatifan nenek moyang kita (*Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan*, 1988:4). Dalam masa yang sama, Mohd. Yusof Hasan menyatakan bahawa lahirnya kebudayaan bagi sesuatu masyarakat adalah hasil dari pemikiran dan persetujuan dari ahli-ahli masyarakat itu sendiri. Kemudian cara kehidupan itu akan diwarisi turun temurun. Dalam proses kehidupan manusia sesuatu masyarakat itu, kebudayaan berubah-ubah mengikut peredaran zaman dan pengaruh-pengaruh dari luar dan dalam (*Penghayatan Fiksyen Melayu*, 1995:3).

Perubahan-perubahan tersebut melibatkan kesenian yang merupakan aspek penting dalam kebudayaan. Salah satu komponen kebudayaan yang menjadi bidang fokus penyelidikan ini ialah seni penulisan yang sinonim dengan "Kesusasteraan". Setiap masyarakat mempunyai kesusasteraan yang tersendiri samada "kesusasteraan lama" atau "kesusasteraan baru" (Hamzah Hamdani, 1988:3). Menurut Horace, kesusasteraan mempunyai unsur *dulce* dan *utile* iaitu "keindahan" dan "manfaatnya". Unsur-unsur estetika yang terdapat dalam kesusasteraan boleh dinikmati oleh manusia melalui pembacaan. Kesusasteraan yang dimaksudkan oleh Hamzah dan Horace tersebut memberi rancangan yang indah kepada jiwa manusia untuk merasa, berfikir dan mengeluarkan reaksinya. Kesusasteraan berfungsi untuk menggambarkan masyarakat, kerana kesusasteraan adalah cermin masyarakat. Perspektif ini disokong oleh A. Lewis Coser (1963:2):

Literature, though it may also be many other things, is social evidence and testimony. It is a continuous commentary on manners and morals. It's great monuments, even as they address themselves

to the perennial tensions between men and their society, preserve for us the precious record of modes of response to peculiar social and cultural conditions.

Pandangan yang dikemukakan oleh Coser bertepatan dengan situasi kebangkitan Kesusasteraan Melayu Moden (KMM) di Tanah Melayu sekitar tahun 1920-an. Masyarakat pada ketika itu menggunakan sastera sebagai suatu wahana bagi merakam segala tindak tanduk manusia fizikal dan spiritual. Umum mengetahui bahawa kemunculan novel iaitu salah satu genre KMM adalah hasil langsung dari kebudayaan dan tradisi kesusasteraan barat yang dibawa masuk menerusi legasi penjajahan.

Pengenalan alat percetakan dan penerbitan akhbar lewat abad ke 19 secara langsung telah menyumbang kepada sumber bacaan dan berita baru serta mempengaruhi sikap dan konsep penulis Melayu terhadap cerita rekaan (Safiah Hussain et.al., 2006:137). Bermula dengan usaha menterjemahkan karya sastera asing yang memberi fokus terhadap karya sastera Inggeris dan Timur Tengah sebagai strategi menambahkan bahan bacaan dalam bahasa Melayu di sekolah-sekolah Melayu, akhirnya menumbuhkan minat untuk menghasilkan karya sendiri dalam bentuk buku cerita. Kesan daripada situasi tersebut maka lahir karya pada hari ini yang dikenali sebagai novel.

Dekad 1920-an merupakan dekad permulaan kelahiran novel di Tanah Melayu. Para pengkaji sastera umumnya menerima bahawa *Hikayat Faridah Hanum* (1925) karangan Syed Sheikh al-Hadi sebagai novel terawal walaupun ianya bersifat saduran. Walau bagaimanapun, timbul perbahasan dalam kalangan pengkaji sastera untuk menentukan novel yang benar-benar asli dan bersifat Melayu. Pengkaji seperti Yahaya Ismail mengangkat novel *Kawan Benar* (1927) karya Ahmad bin Haji Muhammad Rashid Talu sebagai novel Melayu asli yang pertama. Safiah Hussain et. al pula mengatakan dari segi tarikh novel *Kelebihan Bersahabat* (1925) merupakan novel Melayu pertama dengan hujah bahawa novel tersebut dikarang pada 1 Januari 1925 (2006:140). Walaupun tidak diketahui

penulisnya, secara jelas novel tersebut ditulis lebih awal berbanding *Hikayat Faridah Hanum*.

Sebelumnya, S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir mengemukakan fakta menerusi buku mereka yang bertajuk *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern: Novel* (2003) bahawa novel yang pertama muncul adalah novel bertajuk *Hikayat Panglima Nikosa* karangan Ahmad Syawal bin Abdul Hamid (2003:11). Kemudian diikuti dengan sebuah novel saduran yang bertajuk *Kecurian Lima Milion Ringgit* karya Haji Muhammad bin Muhammad Said dari Kelantan (2003:14).

Namun, isu kedudukan novel tersebut samada saduran atau tidak bukan menjadi keutamaan dalam penyelidikan ini. Isu tersebut pengkaji bangkitkan untuk memperlihatkan sejarah kelahiran novel di Tanah Melayu. Dalam masa yang sama, karya-karya novel pada peringkat awal kemunculannya tidak menggunakan istilah novel secara khusus. Sebaliknya, karya-karya tersebut menggunakan istilah 'hikayat', 'cetera', 'ceritera', atau 'cerita' (Safiah Hussain et.al. 2006: 142).

Istilah novel hanya digunakan pada pertengahan dekad 1950-an. Menurut S. Othman Kelantan perkataan novel mula digunakan pada tahun 1954 oleh penulis yang menamakan dirinya 'Orang Sekijang' yang tersiar dalam majalah *Mastika* keluaran April. Manakala, Hamzah pula merupakan orang yang bertanggungjawab mempopularkan istilah novel menerusi rencana beliau yang bertajuk *Pertumbuhan dan Perkembangan Novel Melayu* yang tersiar dalam majalah *Hiburan* sebanyak sembilan belas siri mulai bilangan 499, 2 Mac 1957 hingga bilangan 519, 10 Ogos 1957 (1986: 7).

Novel-novel pada peringkat awal perkembangannya yang bermula pada dekad 1920-an didominasi oleh aliran realisme. Persoalan-persoalan yang ditampilkan dalam novel-novel dekad tersebut lebih menjurus kepada isu percintaan, kerukunan rumahtangga, emansipasi wanita, pendidikan masyarakat Melayu dan ekonomi.

Kemudian, pada dekad 30-an hingga 40-an merupakan kesinambungan penghasilan novel dari dekad sebelumnya. Meskipun tema yang ditampilkan hampir sama, tetapi golongan penulis pada ketika itu menonjolkan pelbagai variasi yang lebih menarik dengan mengutarakan isu-isu berkaitan masyarakat, tanahair, bangsa dan agama. Pada dekad ini, nama-nama penulis novel yang kerap memaparkan isu yang dinyata tersebut adalah seperti Harun Aminurrashid, Ahmad Bakhtiar, Shaharom Husain, Abdul Samad Ahmad serta beberapa penulis lain (Li Chuan Siu, 1986: 409). Daripada golongan penulis dekad 30-an dan 40-an inilah lahirnya novel-novel berunsur sejarah dengan kecenderungan mereka menggunakan latar sejarah Kesultanan Melayu Melaka sebagai model penghasilan novel (lihat bahagian 1.5 untuk huraian lanjut kelahiran novel berunsur sejarah).

Secara khusus, penyelidikan ini bertujuan untuk melihat fungsi dan signifikan pemilihan unsur sejarah yang terdapat dalam karya fiksyen. Kajian akan mengambil contoh lima buah novel Faisal Tehrani (selepas ini akan dirujuk sebagai FT) yang berlainan tema antara satu dengan lain tetapi mempunyai unsur sejarah. Dalam usaha tersebut, pengkaji turut menilai dari aspek kolerasi pengarang untuk mencapai tujuan tersebut dengan berpandukan kepada Teori Hermeneutik gaya Betti dibawah gagasan Schleiermacher dan Wilhem Dilthey.

1.2 Definisi Fiksyen

Sejarah fiksyen Melayu boleh ditelusuri dalam karya-karya sastera lama seperti kisah-kisah dongeng, legenda dan mitos yang disampaikan secara naratif oleh tukang-tukang cerita. Fiksyen ialah sebuah genre sastera yang menggarap cerita dan dikisahkan dalam bentuk naratif menerusi imaginasi pengarangnya. Di Barat, fiksyen boleh ditelusuri semenjak zaman Greek-Roman. Dalam konteks sastera Melayu, fiksyen telah wujud semenjak zaman sastera lisan lagi. Fiksyen pada peringkat awal ini memberi perhatian kepada kehidupan yang nyata samada zaman sekarang atau lampau. Fiksyen pada peringkat awal ini berlatar belakangkan kisah yang ada kaitannya dengan negeri antah berantah (Sohaimi Abdul Aziz, 2003:124).

Menurut Plato, ahli falsafah Yunani yang hidup pada abad ke-5 sebelum masihi, fiksyen adalah hasil peniruan atau gambaran dari kenyataan (mimesis).

Plato turut berpendapat karya fiksyen merupakan gambaran alam semesta. Pandangan Plato tersebut dilanjutkan lagi oleh Aristotle yang mendefinisikan fiksyen sebagai satu cara atau kegiatan manusia untuk menemukan diri sendiri selain daripada melalui agama, ilmu pengetahuan dan falsafah. Hakikat karya sastera adalah ia merupakan perpaduan antara hasil imaginasi seseorang dengan kehidupan secara *factual*. Namun begitu hasil karya manusia seperti ini dianggap lebih tinggi nilainya dari kenyataan (Puji Santosa, 1995:11).

Sementara itu, Rene Wellek dan Austin Warren dalam buku mereka bertajuk *Theory of Literature* (1948:15) mendefinisikan fiksyen sebagai "Segala sesuatu yang tertulis dan menjadi buku terkenal, dari segi isi maupun bentuk kesusasteraannya". Definisi ini disokong melalui pendapat Sohaimi Abdul Aziz (*Teori dan Kritikan Sastera*, 2003) bahawa fiksyen dibina tanpa kaedah saintifik. Beliau turut berpendapat bahawa fiksyen mengandungi unsur tasyul, dan dibangunkan dengan unsur-unsur imaginasi, ilusi dan fantasi pengarang. Maka tidak dapat ditolak bahawa fiksyen turut sarat dengan pandangan peribadi pengarang.

Daripada pendefinisan fiksyen yang telah diuraikan di atas, definisi fiksyen yang dipegang dalam penyelidikan ini ialah fiksyen sebagai cerita tentang kehidupan sebuah masyarakat yang digambarkan hasil daripada pemerhatian realiti dan gabungan imaginasi pengarang. Gabungan tersebut melahirkan sebuah karya fiksyen yang mempunyai matlamat tertentu yang ingin dicapai oleh setiap pengarang untuk setiap terbitan karya mereka.

1.3 Definisi Sejarah

Menurut Herodotus, sejarah ialah satu kajian untuk menceritakan satu kitaran jatuh bangun seseorang tokoh, masyarakat dan peradaban. Sementara itu, definisi yang diberikan oleh Aristotle, "sejarah merupakan satu sistem yang mengira kejadian semulajadi yang tersusun dalam bentuk kronologi" (dikutip oleh Muhd. Yusof Ibrahim, 1986:6). R. Suntralingam (1985:58) dalam bukunya bertajuk *Pengenalan Kepada Sejarah* telah merumuskan pandangan Aristotle bahawa sejarah adalah peristiwa lampau yang mempunyai catatan, rekod-rekod atau bukti-bukti yang kukuh.

Pendefinisian dalam bentuk yang konkret dan ilmiah oleh tokoh-tokoh terkemudian mendapat sumbangan daripada dua pendapat tokoh sejarah dan tokoh yang terkenal dalam bidang sejarah, falsafah dan kesusasteraan seperti yang dinyatakan di atas. Contohnya, Robin George Collingwood berpendapat bahawa sejarah ialah sejenis penyelidikan atau suatu penyiasatan tentang perkara-perkara yang telah dilakukan oleh manusia pada masa lampau (dikutip oleh Muhd. Yusuf Ibrahim, 1986:2). Dalam hal ini, Collingwood memberikan contoh bahawa tulisan Herodotus melalui karya *The Persian War* sebagai satu pencejahanan yang jelas apabila tiga daripada empat ciri sejarahnya telah dipenuhi (*The Idea Of History*:6). Empat ciri tersebut seperti berikut :

"... Sejarah Yunani bukanlah legenda, tetapi ia adalah penyelidikan. Ia bukan berbentuk teokrasi, tetapi kemanusiaan. Tambahan lagi, ia bukan berdasarkan mitos. Peristiwa-peristiwa masa lalu yang dikaji bukanlah peristiwa-peristiwa yang tiada bertarikh, pada ketika asal mulanya benda-benda ia adalah peristiwa-peristiwa masa lalu yang bertarikh, yang berlaku beberapa bilangan tahun yang lalu..."

(dikutip oleh Mohd Saleeh Rahamad, 2005:15)

Daripada kenyataan tersebut, Sohaimi Abdul Aziz (2003) meringkaskan pendapat Collingwood berkenaan ciri sejarah sebagai saintifik, humanistik, rasional dan *self-revelatory*, iaitu dihasilkan secara objektif dan tidak ada campur aduk dengan pandangan peribadi penulisnya (*Teori dan Kritikan Sastera*:129). Manakala Shafer Jones pula berpendapat sejarah adalah peristiwa yang telah lepas dan benar-benar berlaku (1974:2). Sementara itu, Sidi Gazalba cuba menggambarkan sejarah sebagai masa lampau manusia dan persekitarannya yang disusun secara ilmiah dan lengkap meliputi urutan fakta masa tersebut dengan tafsiran dan penjelasan yang memberi pengertian dan kefahaman tentang apa yang berlaku (Sidi Gazalba, 1966:11). Umar Junus (1989), menjelaskan bahawa sejarah merupakan sesuatu perkara yang dapat dikisahkan. Sejarah juga mestilah sesuatu yang telah terjadi dan sejarah adalah sesuatu yang dirangkaikan berdasarkan data yang ada dan terjadi. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Tengku Iskandar, 1996:1040) memberikan definisi sejarah sebagai asal-usul, keturunan, salasilah,

peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lampau, kisah, riwayat, tambo, tawarikh dan kajian atau pengetahuan mengenai peristiwa yang telah berlaku.

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan pendefinisan sejarah ialah sejarah merupakan perkara penting yang turut menggambarkan keadaan masyarakat yang diwakili oleh sejarah tersebut. Sejarah tidak berdasarkan imaginasi pengarang yang menggunakan perkataan yang indah atau bersifat sastera tetapi berdasarkan pemerhatian telus yang disertai bukti konkret atau kesaksian seseorang tokoh yang terlibat serta diakui benar oleh masyarakat yang terlibat. Secara ringkas, dalam penyelidikan ini, perspektif "sejarah" adalah yang ditafsirkan sebagai sesuatu peristiwa atau perkara yang benar-benar terjadi dalam realiti kehidupan dan dapat diukur secara saintifik, logik serta fakta tertulis. Dalam masa yang sama, pengkaji tidak menolak sebarang peristiwa yang disandarkan kepada bahan bermotifkan pensejarahan seperti teks *Sejarah Melayu*. Hal ini kerana, teks seumpama itu termasuk dalam kategori 'yang dimaksudkan benar' meskipun terdapat unsur mitos.

1.4 Sejarah Pertembungan Fiksyen dan Sejarah Dalam Karya

Jika ditelusuri melalui sejarah, pertembungan sejarah dan fiksyen mulai diperkatakan secara akademik sejak zaman Aristotle melalui karya beliau iaitu *Poetics* (terjemahan S.H Butcher, 2000:14) yang mengatakan sejarawan hanya dapat melapor apa yang telah terjadi pada zaman lampau manakala penyair dapat menyatakan kemungkinan tentang apa yang akan berlaku. Dalam erti kata yang lain, Aristotle menganggap sastera itu bukan sahaja terpisah daripada sejarah, tetapi lebih rendah kedudukannya berbanding dengan sastera.


Seterusnya, jurang antara fiksyen dan sejarah mulai melebar apabila muncul ahli-ahli falsafah seperti Collingwood yang membuat pendefinisan tertentu mengenai sejarah sehingga bidang sejarah semakin jauh daripada dunia fiksyen. Antaranya sepertimana yang dikemukakan dalam bahagian 1.3. Pandangan Collingwood tersebut telah melahirkan pengarang-pengarang yang membawa masuk elemen sejarah ke dalam sastera. Hal ini boleh dilihat melalui karya yang mempunyai ciri yang dinyatakan sebagai elemen saintifik. Contohnya seperti karya

Radical Chic oleh Tom Wolf (1970), *Armies of the Night* oleh Norman Mailer (1968) yang berasaskan peristiwa kekejaman Nazi (Sohaimi Abdul Aziz, 2003:129-130).

Pada masa yang sama, Linda Hutcheon melalui bukunya yang bertajuk *A Poetics of Postmodernism History, Theory and Fiction* (1988) menyimpulkan bahawa unsur sejarah dalam fiksyen mempunyai perhubungan ironik. Walaupun kedua-dua genre ini bertentangan, mereka tetap tidak boleh dipisahkan terutama dalam bidang sejarah, falsafah teori dan juga karya fiksyen.

Melalui sejarah perkembangan fiksyen, jelas bahawa kemasukan elemen sejarah dalam dunia fiksyen telah melalui proses yang panjang akibat pemodenan fiksyen. Meskipun Collingwood membuat pengklasifikasi sejarah yang memisahkan sejarah dari fiksyen tetapi dalam masa yang sama, Collingwood tetap mengiktiraf kewujudan pertembungan sejarah dan fiksyen sebagai suatu keadaan yang tidak dapat dipisahkan (Sohaimi Abdul Aziz, 2003:129).

Menurut pemahaman Darin Hayton (2012) mengenai kenyataan Collingwood dalam buku *The Idea of History* (1966:257) hubungan antara sejarah dan fiksyen adalah seperti berikut:

 **UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

"... Collingwood [rails] against the "scissors and paste" historians. Such historians, he claims, first "decide what we want to know about and then go in search of statements about it, oral or written, purporting to be made by actors in the events concerned, - or made by reliable witnesses ..." "

"... History constructed by excerpting and combining the testimonies of different authorities I call scissors-and-paste history..."

(The Idea of History, 1966:251)

Hubungan *scissors and paste* seperti yang diutarakan oleh Collingwood tersebut menjurus kepada tindakan penulis sejarah yang menulis sejarah dengan

memasukkan peristiwa sejarah berdasarkan bahagian yang terpilih sahaja. Hal ini mempunyai persamaan seperti penulis fiksyen yang hanya memasukkan bahagian-bahagian tertentu daripada pengamatan (idea) yang dianggap mempunyai kepentingan terhadap karya kreatif mereka. Dalam masa yang sama, Aristotle menyatakan bahawa kebenaran yang dibawa oleh sejarah hanyalah kebenaran yang terhad pada situasi dan zaman yang diungkapkan sedangkan kebenaran yang dibawa oleh karya sastera bersifat sejagat dan tidak tamat untuk satu tempoh tertentu (Mohammad Saleeh Rahamad, 2005:xxii).

Oleh sebab itu pertembungan di antara fiksyen dan sejarah melalui pemanipulasian penulisan fiksyen wajar diketengahkan bagi merungkai fungsi pemilihan unsur sejarah dari sudut ilmu dan perbincangan akademik yang melihat kepada signifikan penggunaan sejarah tersebut dalam karya fiksyen seperti yang dilakukan dalam kajian ini.

1.5 Kelahiran Novel Berunsur Sejarah

Daripada pernyataan dalam bahagian 1.4 tersebut, dapat difahami bahawa perbincangan mengenai pertembungan sejarah dan fiksyen dalam karya kreatif telah lama berlaku. Hal ini menunjukkan kenyataan bahawa gaya penulisan fiksyen yang menggabungkan fiksyen dengan unsur sejarah telah lama diasaskan sehingga kepada kelahiran sastera moden yang mempunyai unsur sejarah. Penulisan karya fiksyen mengalami proses pemodenan apabila masyarakat Barat mula memfokuskan pada kehidupan harian dalam tema penceritaan. Pada abad ke-18 hingga ke-19 pengarang karya fiksyen mulai melihat aspek seperti sejarah, politik, ekonomi dan agama sebagai aspek penceritaan yang penting. Buktinya, sekitar penghujung abad ke-18 hingga ke-19 muncul karya-karya fiksyen seperti *Tristram Shandy* oleh Laurence Sterne dan *Don Quixote* oleh Miquel de Cervantes yang masing-masing membawa tema sejarah dan politik (Faisal Tehrani, 2008:34).

Di Malaysia, sejak awal kemunculan KMM, terdapat penulis fiksyen dalam kalangan masyarakat Melayu yang pernah menggunakan latar sejarah dalam karya kreatif mereka. Contohnya, Ahmad Bakhtiar, Shaharom Husain, Harun Aminurrashid dan Abdul Samad Ahmad antara penulis yang sinonim dengan

penulisan novel sejarah (Mohd Saleeh Rahamad, 2005:xiii; Li Chuan Siu, 1986:409). Novel Harun Aminurrasyid *Panglima Awang* (1958) menyoroti sejarah Melaka dan menjangkau sejarah pelayaran mengelilingi dunia. Kedudukan unsur sejarah tentang penglibatan anak Melayu yang mengiringi Ferdinand Magellan disokong antara lain melalui jurnal yang termuat dalam *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation* oleh Nik Hassan Shuhaimi, Shaiful Bahri, Khazin dan Yahaya yang bertajuk *Enrique Melaka @ Panglima Awang sebagai Magellan Melayu* (2009) dan jurnal tulisan Mawar Shafie yang menyentuh mengenai penglibatan anak Melayu dalam sejarah mengelilingi dunia bersama Magellan (Mawar Shafie, 2006: 6-9).

Novel *Keris Melaka* karya Ahmad Bakhtiar yang diterbitkan pada tahun 1940 mengambil peristiwa sejarah sekitar tahun 1510 yang memaparkan watak Tun Busu Setia yang tetap mendaulatkan Sultan Mahmud dan mahu menyiasat punca Sultan membunuh Bendahara (Ahmad Bakhtiar, 1940). Shaharom Husin pula menghasilkan novel sejarah seperti *Bermandi Darah di Sungai Johor atau Riwayat Hang Nadim Hulubalang Melaka* (1949), *Korban Sungai Muar atau Lelehan Darah di Pantai Bentan* (1948), dan *Tun Fatimah atau Perjuangan Kaum Ibu* (1948) (Mohd Saleeh Rahamad, 2005:58). Novel-novel yang dinyatakan tersebut cenderung mengambil latar sejarah Melayu Melaka. Berbeza dengan novel-novel sejarah yang dihasilkan selepas perang, pengarang pada tahun-tahun tersebut mulai beralih daripada latar sejarah Melayu Melaka kepada latar sejarah yang lebih segar. Contohnya, novel *Darah Mengalir Di Kedah* menceritakan tentang sejarah penentangan kerajaan Melayu terhadap Siam di Kedah (A.Taib Ahmad, 1961). Walau bagaimanapun, pemilihan sejarah atau penghasilan novel berunsur sejarah yang dihasilkan pada tahun-tahun sebelum 1960-an seperti yang dinyatakan tersebut lebih menjurus kepada pengkisahan semula unsur "sejarah" tersebut kepada khalayak pembaca.

Rahmat Haroun Hashim melalui *Panggil Aku Melaju* (2008) menyentuh mengenai keadaan sosial dan politik yang menjurus kepada isu PPSMI iaitu suatu isu yang benar-benar berlaku di Malaysia yang berkaitan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran matapelajaran sains dan matematik.